

UCAPAN PERDANA MENTERI MELALUI RADIO/TALIVISYEN MALAYSIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN PADA 31HB OGOS, 1971

Besuk kita semua menyambut ulang tahun yang keempat belas kemerdekaan negara kita Malaysia.

Negara kita sudah berusia empat belas tahun tetapi tempuh itu bukanlah satu masa yang panjang dalam sejarah sesuatu negara.

Oleh itu, pada saat dan ketika yang bersejarah ini, eloklah kita merenung sebentar memikirkan keadaan negara kita pada masa ini, ke manakah arah dan haluan yang akan kita tujui dan bagaimanakah cara tiap-tiap seorang kita patut mengambil bahagian bagi membina negara yang kita cintai ini.

Kemajuan sesuatu negara bergantung kepada apa yang disumbangkan oleh rakyatnya dan begitu pula sebaliknya. Kalau kita berhasil membuat sesuatu yang baik, ini adalah mengukuhkan asas kemajuan dan kekuatan negara kita. Sebaliknya, kalau perkara yang kita buat itu tidak baik, tentulah akan membawa kemerosotan dan perpecahan negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Semasa menyambut ulang tahun kemerdekaan tahun lalu, kita telah mengistiharkan Rukunegara, yang menerangkan dengan jelas tanggungjawab tiap-tiap seorang rakyat Malaysia serta garis-garis panduan untuk negara kita.

Pada 22hb Februari tahun ini, Parlimen telah bersidang semula meninggalkan lembaran hitam sejarah disebabkan oleh Peristiwa 13 Mei dulu. Kerajaan telah juga mengistiharkan Dasar Ekonomi Baru yang menjadi landasan Rancangan Malaysia Kedua kita. Parlimen telahpun meluluskan Rancangan itu dengan sebulat suara, yang bermakna menerima kedua-dua konsep iaitu menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat dan membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang dalam masyarakat kita.

Serentak dengan itu, Kerajaan telah menubuhkan jentera pentadbiran baru untuk melaksanakan Rancangan Pembangunan ini iaitu Majlis Tindakan di semua peringkat—di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Kerajaan telah juga menubuhkan beberapa Badan baru seperti Perbadanan Padi dan Beras Negara, Lembaga Perikanan, Perbadanan Pembangunan Bandar atau UDA, Biro Pengaduan Awam, di samping membaiki Badan-badan lain yang telah ditubuhkan terdahulu daripada itu, untuk melaksanakan cita-cita dan hasrat Kerajaan bagi kemajuan negara dan kebahagiaan hidup rakyat.

Kerajaan telah juga mengistiharkan Dasar Luar Negeri dan Dasar Pertahanan yang baru untuk menghadapi keadaan-keadaan baru sekeliling kita dan juga cabaran-cabaran pada masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Inilah setengah-setengah perkara-perkara yang kita telah jalankan pada tahun lalu, yang merupakan tapak permulaan bagi Kerajaan baru yang saya pimpin pada hari ini.

Pada hari yang bersejarah ini, marilah kita mengingatkan diri sendiri iaitu sebagai rakyat negara ini, kita mestilah memberi khidmat bakti untuk kepentingan negara. Sebagai warganegara, tiap-tiap seorang dari kita mempunyai hak-hak yang tertentu, tetapi kita juga mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab yang nyata.

Kita sudah berikrar melalui Rukunegara hendak membina sebuah negara yang demokratik, bersatu padu, adil, liberal dan progresif. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mencapainya. Kita mestilah menuju ke arah ini dengan penuh semangat dan perasaan tanggungjawab.

Kalau kita lemah dan tidak mempunyai disiplin yang kuat, kita tidak akan berhasil mencapai cita-cita kita itu.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam kehidupan, kita rakyat Malaysia mempunyai sifat-sifat riang gembira, kemesraan serta peramah dan suka hendak mengecap segala nikmat yang diberi oleh Tuhan. Akan tetapi, janganlah pula kita biarkan perasaan ini melebihi perasaan tanggungjawab dan disiplin kita. Kita mestilah menumpukan seluruh usaha dan tenaga kita untuk membina satu masyarakat yang kita benar-benar kehendaki. Ini adalah tanggungjawab kita bersama; tegasnya, tanggungjawab saudara-saudara dan saya juga, mengambil bahagian dan menyumbangkan khidmat bakti kita bagi mencapai cita-cita bersama itu.

Oleh itu, marilah kita berusaha sedaya upaya memupuk segala bakat yang terdapat di negara ini, dalam apa jua lapangan—sama ada bidang politik atau ekonomi, bidang kebudayaan atau olahraga—supaya kita dapat mara bersama-sama mencapai hasrat dan cita-cita yang lebih tinggi.

Tiap-tiap seorang, baik ia pelajar atau perajurit, seniman atau olahragawan, pedagang atau petani, buruh atau pegawai—masing-masing mempunyai peranan tertentu.

Begitu juga kaum belia kita khasnya, kerana satu jenerasi baru telah muncul menjadi dewasa sejak kita mencapai kemerdekaan. Jenerasi baru ini adalah lebih berpelajaran, berbakat dan mempunyai cita-cita. Maka sayugialah mereka sama-sama berbakti untuk masa depan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Kalau kita menoleh ke belakang selama empat belas tahun sejak kita merdeka, sesungguhnya banyak yang boleh kita banggakan.

Bidang pertanian telah dipelbagaikan dan kilang-kilang yang dibina telah mengeluarkan berbagai-bagai benda. Alam luar bandar kita telah banyak berubah kerana munculnya rancangan-rancangan kemajuan tanah dan kemajuan-kemajuan yang lain, sementara di bandar-bandar terdiri bangunan-bangunan tinggi yang tersergam. Sekolah-sekolah mengeluarkan belia-belia yang terlatih dan pasukan keselamatan sentiasa siap sedia. Kesenian terus berkembang maju sementara perdagangan makin meluas dan kapal-kapal dagang kita belayar mengelilingi dunia. Rangkaian jalan-jalanraya merentang dari utara ke selatan dan dari timur ke barat, sementara lapangan kesihatan dan pendidikan menampakkan kemajuan-kemajuan yang mengkagumkan.

Pendek kata, semua ini menunjukkan kejayaan-kejayaan yang gilang gemilang bagi negara kita.

Bagaimanapun, tidaklah patut dilupakan bahawa kejayaan-kejayaan ini telah dicemarkan oleh Peristiwa 13 Mei, yang menyedarkan serta menginsafkan kita kepada masalah perpaduan rakyat. Segala kejayaan dan hasil-hasil yang telah kita capai tidak akan kekal sekiranya kita tidak dapat mengatasi masalah ini.

Oleh yang dimikian, pada hari yang bersejarah bersempena ini, marilah kita berikrar akan berbuat apa yang boleh, untuk menggerakkan seluruh rakyat ke arah cita-cita perpaduan itu. Kita memang sedar perpaduan sepenuhnya tidak akan dapat dicapai dalam masa setahun ataupun sepuluh tahun. Tetapi, bagaimanapun, kita mestilah bergerak mulai hari ini.

Saya ingin menegaskan bahawa masalah ini ialah masalah negara. Ini bukanlah khas untuk satu-satu bangsa atau satu-satu golongan masyarakat kita. Sebaliknya, kita hendaklah mengaku dan berikrar dengan sesungguhnya, bahawa negara Malaysia ini ialah hak semua rakyat Malaysia. Tiap-tiap seorang, tidak kira apa asal keturunannya, mempunyai tempat bagi menghasilkan bakat dan kebolehnya. Tiap-tiap seorang mempunyai hak yang sama di bawah lindungan undang-undang.

Tetapi, serentak dengan itu, bersama-sama dengan ikrar kita kepada hasrat perpaduan negara, hendaklah pula kita menyedari hakikat sejarah zaman silam bangsa kita dan kenyataan-kenyataan sebenar pada hari ini.

Masa silam boleh disifatkan sebagai acuan yang menentukan corak hidup kita hari ini. Antara hakikat-hakikat yang nyata mengenai masyarakat kita hari ini, masalah yang paling mendesak ialah kedudukan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum-kaum dan golongan di negara ini. Masalah ini, di samping hakikat peluang pelajaran dan pekerjaan yang tidak seimbang antara rakyat berbagai kaum, tidak boleh diketepikan atau diharapkan lenyap begitu sahaja. Kita hendaklah berusaha membaikinya dengan mengadakan dasar-dasar yang bijak dan dinamis dan langkah-langkah yang sesuai untuk beberapa tahun yang akan datang.

Kita mesti mengatasinya; kalau tidak, perpaduan negara akan terancam. Perpaduan negara dan persaiimbangan ekonomi adalah tali-bertali dan sandar menyandar. Dan kedua-dua masalah ini mustahak diselesaikan bersama-sama.

Tegasnya, perpaduan dan juga perseimbangan ekonomi, kedua-duanya merupakan masalah negara. Penyelesaian kedua-dua masalah besar ini, bukanlah untuk kepentingan sesuatu kaum atau sesuatu golongan: ini ialah untuk kepentingan kita semua.

Di samping berikrar melaksanakan kewajiban kita untuk mengatasi masalah-masalah ini, marilah kita sama-sama berikrar menghapuskan kemiskinan, penyakit dan kejahatan dari semua golongan masyarakat. Kedaifan dan kesakitan tidak mengenal batasan kaum. Mereka yang miskin, mereka yang lemah dan mundur, mustahaklah mendapat perhatian khas kita bersama, supaya mereka mendapat peluang yang lebih luas dan jalan yang terbuka bagi memainkan peranan masing-masing dalam pembangunan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Satu lagi masalah besar yang kita hadapi ialah kegiatan anasir-anasir jahat komunis, terutama di kawasan sempadan kita dengan Negeri Thai dan juga sempadan Sarawak/Kalimantan Timur, di Malaysia Timur. Pengganas-pengganas komunis adalah pengkhianat negara. Mereka tidak ingin kepada pembaharuan masyarakat. Mereka tidak ingin pemerintahan yang baik bagi negara kita. Tujuan mereka semata-mata hendak menggulingkan dengan secara kekerasan, kerajaan yang sah, kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Syukur Alhamdulillah, anggota-anggota pasukan keselamatan kita mengawal keadaan dengan jaya, dan dengan ketabahan dan semangat kepewiraan mereka, anasir-anasir jahat itu akan dihapuskan dari bumi negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Pada hari yang berbahagia ini, marilah kita mengingati mereka, dan jasa-jasa bakti mereka kepada negara, terutama mereka yang telah mengorbankan segala-galanya, demi keselamatan kita semua.

Marilah kita berikrar membantu mereka supaya tugas dan tanggungjawab mereka dapat diselesaikan dengan sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah menyebutkan beberapa masalah yang penting dan mendesak di hadapan kita hari ini. Namun demikian, suka-lah saya berseru kepada semua iaitu pada Hari Kebangsaan negara kita ini, marilah kita menjunjung tinggi harapan dan cita-cita Malaysia Baru yang akan sama-sama kita dirikan dalam tahun-tahun tujuh puluhan ini. Kita menghadapi satu cabaran yang maha hebat, yang menghendaki pada diri kita beberapa syarat penting untuk mengatasinya dengan penuh kejayaan.

Oleh yang demikian, mustahaklah kita menanamkan di hati setiap orang perasaan tanggungjawab kepada masyarakat, menyalakan semangat baru untuk berusaha dan bekerja, menyalurkan minat dan perhatian belia-belia khususnya kepada kemajuan sains dan teknologi, memupuk daya kreatif dan bakat-bakat seni rakyat, dan meninggikan inisiatif serta kecekapan di bidang pentadbiran awam.

Semua ini bermakna kita mesti mencapai taraf yang lebih tinggi dalam semua lapangan hidup tanpa menghilangkan sifat-sifat riang gembira, kemesraan dan peramah yang menjadi peribadi kita sebagai bangsa Malaysia.

Saudara-saudara sekalian,

Inilah gambaran Malaysia dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Samada akan menjadi reality terpulanglah kepada usaha dan kesanggupan kita bersama.

Mengambil sempena hari perayaan ini, saya menyeru semua rakyat Malaysia supaya tampil kehadapan dan memainkan peranan masing-masing untuk menjayakannya.

Tidak syak lagi, perbezaan antara kita pasti ada. Perbezaan pendapat dan cara pelaksanaan memang terdapat, tetapi selagi kita mempunyai kebulatan sikap dan tekad, perbezaan ini akan memperkukuh, bukan melemahkan masyarakat kita.

Bagi diri saya sendiri, saya bersedia menerima kritik. Tetapi saya suka mengulangi, biarlah kritik itu adil dan membina, serta ditujukan semata-mata untuk mencapai matlamat dan objektif negara.

Marilah kita bertanya pada diri sendiri, secara jujur dan ikhlas—apakah bentuk Malaysia yang kita ingin bagi kita dan anak cucu kita untuk masa depan kelak? Apakah peranan kita dan sumbangan kita kearah itu? Adakah kita mempunyai keyakinan diri dan kesanggupan untuk menghadapi tahun-tahun yang akan datang?

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa tiada halangan dan tiada rintangan yang tidak dapat diatasi selagi kita bertekad penuh dan berdisiplin. Negara kita adalah kaya dengan hasil-hasil alam. Rakyat kita kaya dengan bakat dalam semua lapangan. Selagi

kita tidak lemah atau lesu bahkan sentiasa bergerak dan berusaha, masa depan negara kita adalah cemerlang. Tidak ada batasan bagi usaha-usaha kita walaupun hingga ke ruang angkasa lepas.

Saudara-saudara sekalian,

Selama setahun yang lalu, kita telah memikir dan merancang usaha-usaha masa depan yang indah dan bahagia bagi bangsa dan negara kita. Ini akan kita laksanakan dengan penuh keazaman dan dengan seberapa sempurna. Saya yakin dan percaya dengan berpandu kepada gambaran negara Malaysia Baru di depan kita, dan menyedari segala kesulitan dan ranjau-ranjau bahaya di hadapan kita, kita akan terus bersama-sama mara dengan penuh keazaman dan kejujuran untuk berbakti kepada negara yang kita cintai ini.

Selamat malam